

14 NOV 1999

Taib-Samarahan

BIAR PM UMUMKAN KERUSI PARLIMEN SAYA, KATA TAIB MAHMUD

KUCHING, 14 Nov (Bernama) -- Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud berkata beliau akan menyerahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mengumumkan sama ada beliau akan mempertahankan kerusi parlimen Kota Samarahan pada pilihan raya umum akan datang.

"Saya tidak boleh menjawab, biarlah perdana menteri yang membuat pengumuman itu," katanya kepada pemberita selepas sesi pertemuan dengan pemimpin BN peringkat cawangan bagi kawasan Kota Samarahan, kira-kira 35km dari sini hari ini.

Abdul Taib menjadi anggota parlimen Kota Samarahan sejak 1970 apabila beliau menang dalam pilihan raya umum.

Terdapat desas-desus bahawa Abdul Taib mungkin bertanding di kawasan parlimen Kuala Rajang atau Mukah yang majoriti pengundinya terdiri daripada orang Melayu/Melanau.

Abdul Taib, yang juga pengerusi BN negeri, berkata sebagai ketua menteri beliau tidak dapat melawat kawasan itu setiap kali atas tugas yang memaksanya membahagikan masa untuk kawasan lain di Sarawak.

Mengenai propaganda pembangkang, beliau yakin rakyat sudah menyedari bahawa hanya BN mampu menjalankan pembangunan di negeri ini.

Misalnya Pas tidak harus membawa politik Kelantan ke Sarawak memandangkan negeri itu adalah yang paling miskin dan rakyat akan menjadi lebih mundur daripada segi pembangunan jika mereka menerima ideologi Pas, kata beliau.

Beliau berkata Pas menyalahgunakan politik dengan unsur-unsur agama untuk menyelar serta memecahkan kaum Melayu di negara ini.

-- BERNAMA

CJ AKD